

Headline	Perkhidmatan pakej haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,926



Perkhidmatan pakej haji

Bakal haji boleh membuat pilihan sama ada secara Muassasah atau yang ditawarkan agensi pelancongan berlesen



TABUNG HAJI
جتنی للحج



BicaraHaji

Oleh MAT ADMARA ALANG AZIZDIN

BAGI bakal haji yang telah terpilih untuk menunaikan haji tahun ini mereka boleh membuat pilihan untuk menunaikan secara Muassasah yang dikendalikan oleh Tabung Haji (TH) sepenuhnya atau menggunakan perkhidmatan pakej haji yang ditawarkan oleh 19 agensi pelancongan yang diluluskan lesen Pengelola Jemaah Haji 1434 Hijrah (PJH) dan juga TH Travel & Services Sdn. Bhd. (TH Travel), iaitu anak syarikat milik penuh TH.

Senarai 19 PJH 1434 Hijrah ini dan TH Travel telah diiklankan di dalam akbar *Mingguan Malaysia* dan *New Sunday Times* pada keluaran 24 Februari lalu dan juga di dalam akbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* pada hari Sabtu, 18 Mei lalu.

Poster senarai agensi pelancongan yang diluluskan lesen PJH ini juga dipaparkan di papan kenyataan di semua Pejabat TH Negeri, Pejabat TH Cawangan, Pejabat Mini TH dan di masjid-masjid. Senarai ini juga boleh didapatkan di laman web TH di alamat www.tabunghaji.gov.my

Sekiranya bakal haji didatangi oleh seseorang yang mengaku sebagai wakil atau agen kepada syarikat yang diluluskan lesen PJH bagi Musim Haji 1434 Hijrah dan menawarkan pakej perkhidmatan haji, bagi mengelakkan daripada tertipu, sila pastikan bahawa wakil atau agen yang berkenaan mempunyai surat pelantikan yang sah yang menggunakan kepala surat (*letter head*) PJH yang berkenaan. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, sila berhubung terus dengan PJH yang dinyatakan.

Setiap PJH ada mengeluarkan Brosur Tawaran Perkhidmatan Pakej Haji (Brosur) masing-masing. Di dalam brosur tersebut ada dinyatakan bayaran yang dikenakan, perkhidmatan penginapan dan makan minum serta perkhidmatan kebajikan yang disediakan. Brosur ini adalah merupakan satu perjanjian di antara PJH dengan jemaah haji.

Selaras dengan bayaran tambahan yang dikenakan, jika dibandingkan jemaah haji Muassasah, jemaah haji yang memilih perkhidmatan pakej haji akan mendapat perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah

seperti berikut:

- Bangunan penginapan yang lebih dekat dengan Masjid Al-Haram atau Masjid Al-Nabawi dan keadaan dalam bilik yang lebih selesa,
- Makan dan minum yang disediakan secara bufet, termasuk sarapan pagi,
- Nisbah petugas yang lebih ramai untuk menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan kepada jemaah haji.

Sekiranya PJH yang gagal memenuhi janji-janji perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam Brosur semasa di Tanah Suci, jemaah haji boleh membuat aduan terus kepada petugas TH di Pusat Perkhidmatan Maktab Pengelola Jemaah Haji, di Bangunan Ibu Pejabat TH, Mekah atau di Pusat Perkhidmatan Pengelola Jemaah Haji, di Hotel Al Haram, Madinah.

Perlu diingatkan bahawa sebarang aduan hendaklah dibuat dengan segera, iaitu ketika jemaah haji masih berada di Tanah Suci. Ini adalah untuk membolehkan petugas TH untuk membuat siasatan bagi mendapatkan bukti-buktinya atas aduan tersebut semasa masih berada di Tanah Suci.

Semua jemaah haji PJH adalah juga jemaah haji TH. Semasa berada di Tanah Suci mereka boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh TH seperti perkhidmatan pengeluaran wang dan perkhidmatan perubatan tanpa dikenakan sebarang bayaran seperti mana jemaah haji Muassasah.

● PENULIS ialah Pengurus Besar (Agenzi Haji), Lembaga Tabung Haji.

Setiap PJH ada mengeluarkan Brosur Tawaran Perkhidmatan Pakej Haji (Brosur) masing-masing. Di dalam brosur tersebut ada

Headline	Perkhidmatan pakej haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,926

dinyatakan bayaran yang dikenakan, perkhidmatan penginapan dan makan minum serta

perkhidmatan kebajikan yang disediakan. Brosur ini adalah merupakan satu perjanjian di antara PJH dengan jemaah haji